

No. Rujukan : PBBPP.UKK.100-2/1/1(88)  
Tarikh : 15 Mei 2023

## KENYATAAN MEDIA

### ***PENANG HILL HERITAGE FOREST CHALLENGE 2023 (PHHFC2023)***

*Penang Hill Heritage Forest Challenge 2023 (PHHFC 2023)* kembali buat edisi ke-8 pada 27 Ogos 2023! Para pendaki dan pelari dipelawa untuk menandakan kalendar anda bagi acara yang hebat ini.

Cabaran sejauh **17 km** ini dibuka kepada orang ramai yang mempunyai stamina tinggi bagi membolehkan para peserta merentasi laluan yang mencabar ini. Laluan itu akan membawa peserta melalui denai malar hijau Rizab Biosfera Bukit Bendera - Rizab Biosfera ketiga dan yang terbaru di Malaysia, bermula dari Taman Rekreasi Kuari di Taman Botani Pulau Pinang dan berakhir di Dataran, Stesen Atas Bukit Bendera. Selepas bertahun menjalankan kerja-kerja penstabilan cerun dan menaik taraf jalan di kawasan yang terjejas, Perbadanan Bukit Bendera (PBBPP) bersedia untuk menggunakan laluan perlumbaan yang lebih panjang berukuran 17km berbanding laluan pendek yang digunakan dalam beberapa edisi *Penang Hill Heritage Forest Challenge* yang lepas sejak kejadian tanah runtuh 2017 di Bukit Bendera.

Objektif acara ini adalah untuk mempromosikan Pulau Pinang sebagai salah sebuah destinasi eko-pelancongan yang popular, serta meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap penjagaan alam sekitar dan pemuliharaan warisan di Bukit Bendera.

Sejak dilancarkan pada tahun 2014, *Penang Hill Heritage Forest Challenge* telah mendapat sambutan yang menggalakkan dan menjadi acara sukan kegemaran yang dapat menarik minat para pendaki dan pelari yang terdiri daripada semua lapisan masyarakat.

Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP) akan bekerjasama dengan *Actifestyle Concept Sdn Bhd*, Persatuan Penduduk Bukit Bendera dan Persatuan Olahraga Amatur Pulau Pinang. Acara ini disokong oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang melalui EXCO Belia & Sukan, YB Soon Lip Chee.

Para peserta yang ingin menyertai acara ini perlu bersedia dan menjalani latihan untuk menyesuaikan diri dengan keadaan kawasan serta ketinggian supaya berpeluang untuk dinobatkan sebagai juara acara ini.

**Maklumat Penang Hill Heritage Forest Challenge 2023 adalah seperti berikut : -**

Tarikh : 27 Ogos 2023 (Ahad)  
Masa : 7.00 pagi – 12.00 tengahari  
Garis Permulaan : Taman Rekreasi Kuari, Taman Botani  
Garis Penamat : Dataran, Stesen Atas Bukit Bendera  
(Peta laluan perlumbaan dilampirkan bersama kenyataan media ini)

## Penyertaan

Pihak penganjur menyasarkan seramai 900 penyertaan untuk edisi kali ini. Pendaftaran dibuka kepada rakyat Malaysia dan peserta antarabangsa berdasarkan kategori seperti dibawah :

Kategori	Umur
A) Terbuka Lelaki	18 – 34 tahun
B) Junior Veteran Lelaki	35 – 49 tahun
C) Senior Veteran Lelaki	50 tahun dan keatas
D) Terbuka Wanita	18 – 39 tahun
E) Veteran Wanita	40 tahun dan keatas
F) Antarabangsa	Terbuka

- Umur dikira pada 27 Ogos 2023.
- Jika kurang daripada lima puluh (50) penyertaan yang diterima pada tarikh tutup penyertaan, pihak penganjur berhak mengubah kategori peserta ke kategori lain.
- Untuk Kategori F, jika kurang daripada lima puluh (50) penyertaan yang diterima pada tarikh tutup, pihak penganjur berhak untuk membatalkan dan membayar balik yuran pendaftaran kepada peserta

## Hadiah Wang Tunai

Hadiah wang tunai yang akan ditawarkan kepada pemenang bagi kesemua 6 kategori adalah seperti berikut :

Kategori	Hadiah Wang Tunai
Tempat Pertama	RM 1,500.00
Tempat Kedua	RM 1,000.00
Tempat Ketiga	RM 500.00
Saguhati x 5	RM 200.00

## Pemberian lain

- Semua peserta akan menerima pingat penamat larian dan e-Sijil pengiktirafan.
- Semua peserta yang berjaya menamatkan larian berpeluang memenangi hadiah cabutan bertuah

## Yuran Pendaftaran

Yuran pendaftaran adalah **RM55** bagi pendaftaran *early bird* dari 15 – 21 Mei 2023 manakala pendaftaran standard **RM65** dari 22 Mei – 16 Jun 2023. Pendaftaran secara atas talian dapat dibuat melalui pautan <http://www.actifestyle.com/events/PHHFC2023>, tertakhluk kepada terma dan syarat. Setiap peserta akan menerima beg saguhati dan baju t-shirt yang boleh diambil di

Kaunter Informasi yang terletak di Stesen Bawah Bukit Bendera semasa waktu pejabat pada jam 9.00 pagi – 5.00 petang bermula 23 – 26 Ogos 2023.

## Tarikh tutup penyertaan adalah pada 16 Jun 2023

Orang ramai dijemput untuk menyertai larian ini sejajar dengan matlamat Kerajaan Negeri untuk menjadikan Pulau Pinang lebih Bersih, Hijau, Selamat dan Sihat dengan menyertai acara yang bermakna ini. PBBPP akan terus menganjurkan acara dan aktiviti sukan di Bukit Bendera bagi mempromosikan gaya hidup yang aktif dan sihat.

#TAMAT#



## PERBADANAN BUKIT BENDERA PULAU PINANG

Tingkat 7, Bangunan PBBPP,  
Jalan Stesen Bukit Bendera, Ayer Itam,  
11500 Pulau Pinang, Malaysia

No. Tel : +604-8288 880  
No. Faks : +604-8288862  
Laman Web : [www.penanghill.gov.my](http://www.penanghill.gov.my)



### Mengenai Perbadanan Bukit Bendera Pulau Pinang (PBBPP)

Perbadanan Bukit Bendera telah ditubuhkan pada tahun 2009 melalui enakmen yang telah dipersetujui melalui persidangan Dewan Undangan Negeri. Tujuan utama penubuhan Perbadanan Bukit Bendera adalah untuk menguruskan perkhidmatan funikular, pembangunan Bukit Bendera serta mengekalkan Bukit Bendera sebagai tempat pelancongan utama serta menjadi pusat pelancongan bertaraf dunia.

### Unit Komunikasi Korporat

Lim Woan May  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[wmlim@penanghill.gov.my](mailto:wmlim@penanghill.gov.my)

Ahmad Aizat Bin Khalid  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[aizat@penanghill.gov.my](mailto:aizat@penanghill.gov.my)

Vivien Loo  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[vivienloo@penanghill.gov.my](mailto:vivienloo@penanghill.gov.my)

Tan Lee Ling  
Penang Hill Corporation  
Tel: 04-828 8880  
[ltan@penanghill.gov.my](mailto:ltan@penanghill.gov.my)



**CEKAP AKAUNTABILITI TELUS UNTUK MENJADI  
BUKIT PERANGINAN PILIHAN DI MALAYSIA**